



Ruj. Tuan :
Your Ref :
Ruj. Kami :
Our Ref : KP.LP.003.07.14 Jld. 2 (59)

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

KS Per. Peg

Tarikh : 11 September 2015
Date :

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

DATO' ROSDI BIN ISMAIL
Pengarah Pendidikan Pahang

SURAT SIARAN LEMBAGA PEPERIKSAAN BIL. 2 TAHUN 2015
PENANGGUHAN PEPERIKSAAN PUSAT AMALI SAINS MATA PELAJARAN PHYSICS
(KOD 4531), CHEMISTRY (KOD 4541), BIOLOGY (KOD 4551) DAN ADDITIONAL SCIENCE
(KOD 4561) BAGI PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2016

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

- 2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Pusat Amali Sains bagi mata pelajaran Physics (Kod 4531), Chemistry (Kod 4541), Biology (Kod 4551) dan Additional Science (Kod 4561) peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dijadualkan bermula pada tahun 2016 ditangguhkan pelaksanaannya sehingga fasiliti dan kelengkapan bilik makmal sains sekolah di seluruh negara mencapai piawai yang ditetapkan untuk Pengajaran dan Pembelajaran sebelum peperiksaan tersebut dilaksanakan.
3. Sehubungan dengan itu, Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 1 Tahun 2015: Penangguhan Peperiksaan Pusat Amali Sains mata pelajaran Physics (Kod 4531), Chemistry (Kod 4541), Biology (Kod 4551) Dan Additional Science (Kod 4561) bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2015, nombor rujukan KP.LP.003.07.14 Jld. 2 (50) bertarikh 20 Mac 2015 adalah TERBATAL.
4. Pentaksiran Kerja Amali (PEKA) bagi mata pelajaran berkenaan hendaklah dilaksanakan bagi murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Pelaksanaan ini adalah antara usaha untuk memastikan setiap murid aliran sains menguasai kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif seperti yang termaktub dalam sukatan pelajaran.
5. Pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan diminta mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua sekolah termasuk sekolah swasta yang berkaitan di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

[Signature]

(DATIN NAWAL BINTI SALLEH)
Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Table with 2 columns: KPP, KUP & P, KU Pra-U, KU PBS, KPT, Peg. Meja, SPM. Rows: Uruskan, Uruskan, Fail/Rekod, Sila Hadir, Makluman, Segera, Papan Kenyataan.

Edaran ke PPD dan SK
TU

HAJI MOHD RAZALI BIN MUSTAFAR, AMP
Ketua Sektor

Sektor Penilaian dan Peperiksaan

BAHAGIAN PRODUKSI
Ktor Pembinaan Ujian Akademik
Ktor Pembinaan Ujian Teknikal Dan Vokasional

BAHAGIAN OPERASI
Sektor Percetakan, Pengedaran Dan Keselamatan
Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Atas Dan Luar Negeri
Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Rendah dan Rendah

Sektor Pengurusan
Sektor Pengurusan Dasar Dan Perkembangan
Sektor Pengurusan Maklumat Dan Perkembangan Teknologi
Sektor Khidmat Pengurusan